



**SIARAN MEDIA**  
*MEDIA RELEASE*

**KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK)**  
**SUKU TAHUNAN**  
**SUKU PERTAMA 2023**

*QUARTERLY GROSS DOMESTIC PRODUCT*  
*FIRST QUARTER 2023*

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi  
Negara Brunei Darussalam

*Department of Economic Planning and Statistics*  
*Ministry of Finance and Economy*  
*Brunei Darussalam*




**SIARAN MEDIA  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**KELUARAN DALAM NEGERI KASAR  
SUKU PERTAMA 2023**

**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TAJUK UTAMA: EKONOMI BRUNEI MENINGKAT SEBANYAK 0.8 PERATUS DIDORONG OLEH SEKTOR BUKAN MINYAK DAN GAS**

1. Pada suku pertama (Q1) 2023, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada harga tetap mencatatkan peningkatan sebanyak 0.8 peratus tahun-ke-tahun. Ini adalah disebabkan oleh peningkatan dalam Sektor Bukan Minyak & Gas sebanyak 6.2 peratus. Manakala, Sektor Minyak & Gas mencatatkan penurunan sebanyak 5.0 peratus.



2. Peningkatan bagi Sektor Bukan Minyak & Gas adalah didorong oleh peningkatan subsektor-subsektor seperti Pengangkutan Udara sebanyak 285.1 peratus, diikuti oleh Kewangan 71.7 peratus dan Lain-lain Perkhidmatan Pengangkutan 33.1 peratus.
3. Peningkatan Subsektor Kewangan adalah selaras dengan peningkatan pendapatan aktiviti perbankan. Manakala, peningkatan Subsektor Pengangkutan Udara dan Lain-lain Perkhidmatan Pengangkutan adalah selaras dengan peningkatan jumlah ketibaan dan pelepasan penumpang udara berikutan pembukaan sempadan secara sepenuhnya.
4. Subsektor Pembuatan Produk Petroleum dan Kimia di bawah Sektor Bukan Minyak & Gas telah mencatatkan penurunan disebabkan oleh penurunan pengeluaran petrokimia berikutan aktiviti-aktiviti penyelenggaraan. Walau bagaimanapun, pengeluaran baja urea telah mencatatkan peningkatan yang signifikan iaitu sebanyak 198.5 peratus.
5. Bagi Sektor Minyak & Gas pula, ianya telah mencatatkan penurunan disebabkan oleh penurunan pengeluaran minyak mentah, gas asli dan gas cecair asli (LNG) berikutan kesan pandemik COVID-19 yang mana telah menyebabkan penundaan projek-projek yang berkaitan dengan penerokaan, pembangunan, pengeluaran dan rejuvenasi.
6. Pada Q1 2023, sumbangan utama KDNK mengikut aktiviti ekonomi adalah Sektor Industri yang menyumbang sebanyak 59.9 peratus, diikuti oleh Sektor Perkhidmatan 38.9 peratus dan Sektor Pertanian, Perhutanan dan Perikanan 1.2 peratus.
7. Jumlah KDNK Negara Brunei Darussalam pada harga semasa pada Q1 2023 adalah sebanyak BND4.9 bilion berbanding BND5.1 bilion pada Q1 2022. Sektor Minyak & Gas yang merangkumi aktiviti perlombongan minyak & gas dan pembuatan gas cecair asli (LNG) menyumbang sebanyak 49.2 peratus daripada jumlah nilai tambah kasar (GVA). Sementara itu, Sektor Bukan Minyak & Gas, yang mana termasuk aktiviti hiliran seperti pembuatan produk petroleum dan kimia, telah menyumbang sebanyak 50.8 peratus daripada jumlah KDNK.
8. Mengikut pendekatan perbelanjaan, peningkatan pertumbuhan KDNK pada Q1 2023 adalah terutamanya didorong oleh peningkatan Perbelanjaan Penggunaan Akhir Isi Rumah sebanyak 24.2 peratus. Walau bagaimanapun, Pembentukan Modal Kasar menurun sebanyak 5.7

peratus, Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan sebanyak 5.1 peratus, dan Eksport Barangan dan Perkhidmatan sebanyak 4.1 peratus khususnya eksport barangan bahan api galian.

### **KDNK mengikut Pendekatan Perbelanjaan pada Harga Tetap**

	<b>Q1 2022</b>	<b>Q1 2023</b>	<b>Pertumbuhan</b>
	<b>BND Juta</b>		<b>%</b>
Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan	1,290.3	1,224.8	-5.1
Perbelanjaan Penggunaan Akhir Isi Rumah	1,282.8	1,593.4	24.2
Pembentukan Modal Kasar	1,121.4	1,057.6	-5.7
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	3,635.2	3,486.4	-4.1
<b>KDNK</b>	<b>4,621.1</b>	<b>4,657.5</b>	<b>0.8</b>

9. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) adalah ukuran bagi jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu setelah ditolak kos barangan dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran. Laporan penuh KDNK Suku Pertama Tahun 2023 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui [deps.mofe.gov.bn](https://deps.mofe.gov.bn)




**MEDIA RELEASE**  
**DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS**  
**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY**

**QUARTERLY GROSS DOMESTIC PRODUCT**  
**FIRST QUARTER 2023**

**BRUNEI DARUSSALAM**

**MAIN HEADLINE: BRUNEI'S ECONOMY GREW 0.8 PER CENT IN THE FIRST QUARTER BOOSTED BY THE NON-OIL AND GAS SECTOR**

- In the first quarter (Q1) of 2023, Gross Domestic Product (GDP) at constant prices recorded a year-on-year increase of 0.8 per cent. This was due to an increase in the Non-Oil & Gas Sector by 6.2 per cent. Whereas, the Oil & Gas Sector fell by 5.0 per cent.*



2. *The increase in the Non-Oil & Gas Sector was driven by the rise in subsectors such as Air Transport by 285.1 per cent, followed by Finance 71.7 per cent and Other Transport Services 33.1 per cent.*
3. *The increase in the Finance Subsector was in line with an increase in the income of banking activities. Meanwhile, the increase in the Air Transport Subsector and the Other Transport Services Subsector was driven by an increase in passenger air arrivals and departures which corresponded to the full lifting of travel measures.*
4. *The Manufacture of Petroleum and Chemical Products Subsector under Non-Oil & Gas Sector experienced a decline due a decrease in the production of petrochemicals as a result of maintenance activities. However, the production of new chemical products, particularly urea fertilizer, recorded a significant increase of 198.5 per cent.*
5. *As for the Oil & Gas Sector, the decline was due to a decrease in the production of crude oil, natural gas and LNG following the impact of the COVID-19 pandemic which has caused delay in exploration, development, production, and rejuvenation work.*
6. *In Q1 2023, GDP by economic activity was mainly contributed by the Industry Sector which was about 59.9 per cent. This was followed by the Services Sector at 38.9 per cent and the Agriculture, Forestry and Fishery Sector at 1.2 per cent.*
7. *Brunei Darussalam's GDP at current prices in Q1 2023 was valued at BND4.9 billion compared to BND5.1 billion in Q1 2022. The Oil & Gas Sector, comprising of oil & gas mining and manufacture of Liquefied Natural Gas (LNG), accounted for 49.2 per cent of the total gross value added (GVA). Meanwhile, the Non-Oil & Gas Sector, which includes downstream activities such as the manufacture of petroleum and chemical products, contributed 50.8 per cent of GDP.*
8. *By expenditure approach, the increase in GDP growth in Q1 2023 was mainly due to an increase in the Household Final Consumption Expenditure by 24.2 per cent. However, the increase was moderated by a decrease in Gross Capital Formation by 5.7 per cent, Government Final Consumption Expenditure by 5.1 per cent, and Exports of Goods and Services by 4.1 per cent, mainly the export of mineral fuels.*

### **GDP by Expenditure at Constant Prices**

	<b>Q1 2022</b>	<b>Q1 2023</b>	<b>Growth</b>
	<b>BND Million</b>		<b>%</b>
Government Final Consumption Expenditure	1,290.3	1,224.8	-5.1
Household Final Consumption Expenditure	1,282.8	1,593.4	24.2
Gross Capital Formation	1,121.4	1,057.6	-5.7
Exports of Goods and Services	3,635.2	3,486.4	-4.1
<b>GDP</b>	<b>4,621.1</b>	<b>4,657.5</b>	<b>0.8</b>

9. *Gross Domestic Product (GDP) is a measure of the total value of goods and services produced in a particular period after deducting the cost of goods and services used up in the process of production. The full report for the First Quarter of 2023 is available from DEPS's website at [deps.mofe.gov.bn](https://deps.mofe.gov.bn)*